



SIARAN MEDIA

KPKT PERKUKUH AGENDA KEBAHAGIAAN NEGARA, PACU PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN

PUTRAJAYA, 5 APRIL 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus komited memperkukuh agenda kebahagiaan rakyat melalui pendekatan pembangunan bandar yang mampan, inklusif dan berteraskan kesejahteraan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming menjelaskan pencapaian Malaysia dalam *World Happiness Report 2026* membuktikan bahawa dasar Kerajaan MADANI berada pada landasan yang tepat.

“Berdasarkan skala 0 hingga 10 dalam laporan tersebut, **Malaysia mencatat skor 6.005 bagi tempoh 2023 hingga 2025, meningkat sebanyak 0.045 mata berbanding sekitar 5.96 sebelum ini.** Skor ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan dalam memastikan tahap kebahagiaan rakyat bukan sahaja kekal stabil malah terus meningkat dalam persekitaran global yang semakin mencabar,” katanya ketika berucap pada **Majlis Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2026** di kementerian hari ini.

Malaysia turut mencatat tahap kebahagiaan sebanyak 81 peratus, mengatasi purata global iaitu 74 peratus berdasarkan **Ipsos Happiness Report 2026**.

Dalam pada itu, beliau turut menggariskan beberapa keutamaan strategik KPKT dalam memperkukuh pembangunan bandar mampan negara, antaranya:

- i. Memperkasa agenda Bandar Pintar dan tadbir urus digital;
- ii. Melonjakkan kualiti infrastruktur awam termasuk pelaksanaan 400 projek di Kampung Baru dan 100 projek Taman Rekreasi MADANI;

- iii. Mempergiat pengurusan sisa dan ekonomi kitaran melalui penyediaan 25 pusat pengitaran semula sisa pepejal pintar; dan
- iv. Memperkukuh keselamatan serta daya tahan bandar melalui pembangunan pangkalan data banjir komprehensif dan pemeraksanaan JBPM.

Seiring dengan usaha memperkukuh kesejahteraan rakyat, beliau turut berkongsi **empat (4) prinsip mudah yang boleh diamalkan oleh setiap individu dalam membina kehidupan yang lebih bahagia dan bermakna**. Amalan tersebut ialah:

- i. Membudayakan amalan mensyukuri nikmat setiap hari dengan memberi fokus kepada apa yang dimiliki;
- ii. Memupuk rasa cukup dan menghargai perkara kecil dalam kehidupan;
- iii. Kekal positif serta menjauhkan diri daripada elemen negatif; dan
- iv. Mengamalkan gaya hidup sihat melalui pemakanan seimbang, aktiviti fizikal dan rehat yang mencukupi.

Menurut beliau, amalan yang konsisten ini mampu meningkatkan daya tahan emosi serta kesejahteraan secara keseluruhan. “Kebahagiaan yang kita miliki hari ini perlu dipelihara bersama. Dalam dunia yang semakin kompleks dan mencabar, kita harus memilih untuk kekal positif, bersatu dan berdaya tahan”.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

